

22/11/2000

Rangkaian berita Internet tawar bahan alternatif

LANGKAWI, Selasa - Dialog Antarabangsa Langkawi 2000 (LID2000) yang berakhir di sini, hari ini bersetuju rangkaian berita berasaskan Internet, diwujudkan untuk menawarkan bahan berita alternatif kepada negara anggota dialog bagi mengimbangi berita yang disediakan oleh agensi berita antarabangsa.

Rangkaian berita itu berhasrat menyediakan laporan tepat, seimbang dan objektif mengenai peristiwa serta pembangunan negara anggota daripada perspektif tempatan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, langkah itu diambil berikutan pandangan di kalangan negara anggota dialog bahawa ada sesetengah berita yang dilaporkan oleh agensi berita antarabangsa mengenai mereka mempunyai fakta yang terlalu jauh daripada kebenaran.

Malah, katanya, ada berita dan laporan yang disebarikan bukan sahaja diputar belitkan, tetapi juga direka oleh agensi berita berkenaan.

"Kita perlu dapatkan pandangan sebenar. Kalau tidak, kita akan membuat kesimpulan yang salah mengenai rakan anggota lain. Tidak salah untuk mempunyai sumber lain bagi tujuan persaingan," katanya pada sidang akhbar selepas tamatnya LID2000, hari ini.

Turut serta, Presiden Botswana, Festus G Mogae; Perdana Menteri Lesotho, Pakalitha Bethuel Mosisili; Presiden Mozambique, Joaquim Alberto Chissano; Presiden Namibia, Dr SamNujoma; Naib Presiden Afrika Selatan, Jacob G Zuma; Naib Presiden Uganda, Dr Speciosa W Kazibwe; dan Menteri Penyertaan dan Penyelarasan Pembaharuan Algeria, Hamid Temmar.

Dr Mahathir berkata, penubuhan rangkaian berita itu yang dicadangkan oleh wakil rakan dialog LID dari media, tidak bermakna negara anggota tidak boleh menggunakan bahan berita yang disediakan oleh agensi berita antarabangsa.

"Mereka boleh memilih untuk menggunakan sama ada dari rangkaian berita itu atau daripada agensi berita lain atau kedua-duanya sekali," katanya.

"Tetapi yang penting berita yang disediakan oleh rangkaian berita itu perlu tepat dan benar. Ini adalah kerana jika kredibiliti berita yang ditawarkan terjejas, mungkin tidak ada orang yang ingin membacanya.

"Kerajaan negara anggota tidak harus memaksa fakta diputar belitkan untuk memenuhi agenda mereka. Sesetengah daripada bahan berita yang dihantar mungkin tidak disukai oleh sesetengah kerajaan tetapi apa yang penting berita itu mestilah kenyataan benar," kata Dr Mahathir.

Rangkaian berita itu belum mempunyai nama lagi tetapi rakan kongsi media LID mencadangkan South News Network (Rangkaian Berita Selatan) atau Smart Partnership News Network (Rangkaian Berita Perkongsian Pintar).

Selain berita dari akhbar negara anggota ia mungkin juga memuatkan berita bersuara dan gambar.

Dr Mahathir juga menolak dakwaan yang Malaysia bertindak sebagai 'godfather' terhadap negara Afrika yang menyertai LID.

Katanya, hakikat sebenarnya negara anggota yang menjadi tuan rumah dialog, termasuk LID dan Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID), semestinya memainkan fungsi utama.

"Kita tidak mempunyai sistem 'godfather' tetapi bergerak dari satu negara ke negara lain dengan masing-masing memainkan fungsi utama ketika menjadi tuan rumah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai laporan media yang beberapa negara Eropah terasa terancam mengenai kemungkinan kesan ekonomi

yang disebabkan oleh LID.

Mereka menuduh Malaysia bertindak sebagai `godfather' terhadap negara Afrika.

"Di Maputo, Mozambique memainkan fungsi utama, perkara yang sama berlaku di Zimbabwe, Namibia dan Botswana," kata Dr Mahathir, penggerak utama LID.

Mozambique menjadi tuan rumah SAID tahun ini sementara tiga lagi negara Afrika menjadi tuan rumah sebelum ini.

Ditanya mengapa negara Asia yang lain tidak turut serta dalam dialog itu, Dr Mahathir berkata Jepun, Thailand dan Singapura sudah menyertai dialog itu sebelum ini tetapi kali ini mereka tidak dapat datang kerana atur cara padat dan komitmen lain.

(END)